

Mesyuarat Pemimpin APEC Ke-30

# Malaysia hargai Peru selamatkan rakyat kita

**Perusahaan  
di Malaysia  
dipelawa  
lawat, melabur  
di Lima**



**Datuk** Seri Anwar Ibrahim berterima kasih kepada pihak berkuasa Peru kerana membantu menyelamatkan 43 rakyat Malaysia yang menjadi mangsa eksploitasi buruh dan pemerdagangan manusia di negara itu, baru-baru ini.

Perdana Menteri menyampaikan penghargaan itu dalam pertemuan dengan rakan sejawatnya dari Peru, Dina Ercilla Boluarte Zegarra, yang ditemui dalam acara sampingan pada mesyuarat Pemimpin Ekonomi (AELM) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, turut mengulangi komitmen Malaysia untuk membantu melatih pegawai Peru di



Anwar dan Zegarra mengadakan pertemuan dalam acara sampingan sempena mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC di San Francisco, semalam.

(Foto BERNAMA)

bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia, selain mempelajari kepakaran masing-masing.

Yang turut hadir Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz serta Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

## Bantu pensijilan halal

Mengulas perkara itu, Zegarra turut menyatakan komitmennya untuk mencegah dan memerangi isu pemerdagangan manusia, selain mengundang Anwar melawat Peru sempena APEC 2024 yang dipengerusikan negara itu,

tahun hadapan.

Zegarra juga meminta Malaysia mempertimbang cadangan membuka pejabat bagi membantu kemudahan pensijilan halal di Peru, selain mempelawa perusahaan di Malaysia untuk melawat dan melabur di Peru.

Anwar ketika mengulas pelawaan Zegarra, memaklumkan pensijilan halal Malaysia diiktiraf di seluruh dunia, selain bersejua memudahkan permohonan Peru itu secepat mungkin.

Nilai dagangan Malaysia-Peru mencatatkan peningkatan kepada AS\$168.45 juta (RM751.77 juta), antara Januari hingga Jim lalu. Ia membabitkan peningkatan 12.8 peratus daripada AS\$155.97 juta (RM666.44 juta) yang direkodkan bagi tempoh sa-

ma pada 2022.

Sebelum ini, media melaporkan, 43 warga Malaysia diselamatkan polis di Peru, selepas menjadi mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang menjalankan penipuan telekomunikasi.

Rakyat Malaysia terbabit dalam scam Macau yang dilaporkan berasal daripada sindiket jenayah di Taiwan dan China yang menyamar sebagai bank atau pegawai awam untuk menipu seseorang supaya mendedahkan butiran perbankan peribadi mereka mahupun memindahkan wang ke akaun pihak ketiga.

Kumpulan mangsa terbabit diselamatkan selepas polis selepas serbuan dilakukan ke atas sebuah rumah di La Molina, Lima pada 17 Oktober lalu.